

Headline	Ubah persepsi negatif Mahkamah Syariah		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	03 Apr 2015	Language	Malay
Circulation	29,826	Readership	97,836
Section	Tempatan	Color	Black/white
Page No	9	ArticleSize	600 cm ²
AdValue	RM 1,236	PR Value	RM 3,708



Ubah persepsi negatif Mahkamah Syariah

SEHINGGA kini, masyarakat khususnya umat Islam mempunyai persepsi negatif terhadap Mahkamah Syariah, yang didakwa sering kali mengambil masa lama serta tidak tegas dalam mengendalikan dan menyelesaikan sesebuah kes terutama isu tuntutan nafkah dan penceraian.

Tidak menolak hal berkenaan, Ketua Hakim Syarie Jabatan Kehakiman Syariah Selangor Dr Mohd Na'im Mokhtar berkata persepsi negatif itu berpunca daripada pelbagai faktor, namun kurang diberi perhatian dan penjelasan yang sewajarnya.

Justeru, beliau berkata adalah menjadi tanggungjawab seluruh masyarakat Islam dan Mahkamah Syariah sendiri untuk mengubah persepsi berkenaan agar pandangan negatif masyarakat dapat ditangani.

Persepsi negatif

"Persepsi negatif ini boleh diubah sekiranya pihak mahkamah sendiri mengambil pendekatan menjelaskan perkara tersebut diiringi dengan fakta-fakta berkaitan.

"Institusi kehakiman syariah juga adalah milik masyarakat khususnya yang beragama Islam dan beriman. Justeru, tanggungjawab mempertahankan institusi ini sebenarnya bukan hanya terletak pada hakim dan peguam sahaja namun menjadi tanggungjawab kita (umat Islam) semua," katanya kepada *Bernama*.

Mohd Naim merujuk kenyataan Dekan Kolej Undang-undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa Universiti Utara Malaysia Prof Madya Dr Ahmad Martadha Mohamed dalam laporan berita baru-baru ini, yang menyebut Mahkamah Syariah perlu bertindak lebih tegas dan adil dalam mengendalikan kes-kes berkaitan tuntutan nafkah, khususnya melibatkan wanita yang telah bercerai dan mempunyai anak.

Dalam laporan itu, Ahmad Martadha turut berkata antara kelemahan sistem Mahkamah Syariah pada hari ini ialah kes bekas suami enggan membayar nafkah kepada bekas isteri dan anak-anak pada waktu dan kadar yang ditetapkan.

Terikat undang-undang

Mohd Na'im berkata di bawah Undang-undang Keluarga Islam Negeri, terdapat hak-hak lain yang sebenarnya boleh dituntut namun perkara yang paling hampir dengan masyarakat ialah isu tuntutan nafkah dan cerai.

Beliau berkata antara undang-undang yang melibatkan isu berkaitan nafkah dan cerai ialah Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 2003, Enakmen Undang-Undang Kekeluargaan Islam Negeri Selangor 2003, Enakmen Tatacara Mahkamah Syariah Negeri Selangor 2003 dan Enakmen Keterangan Syariah Negeri Selangor 2003.

Katanya Mahkamah Syariah hanyalah pelaksana kepada undang-undang selain Hakim Mahkamah Syariah tidak terlibat dalam proses penggubalan undang-undang berkenaan.

"Hakim-hakim apabila dilantik mereka akan buat perjanjian untuk melaksanakan undang-undang tersebut, itu aku janji kita sebagai hakim. Begitu juga dengan Hakim Mahkamah Sivil apabila dilantik, mereka akan buat aku janji untuk mempertahankan Perlembagaan Persekutuan dan semua undang-undang yang telah digubal," katanya.

Timbul persoalan tidak bolehkah hakim-hakim membantu memudahkan perkara tersebut?

Menjawab persoalan itu, Mohd Na'im berkata hakim-hakim terikat dengan undang-undang khususnya berkaitan peraturan, tatacara dan keterangan yang diperuntukkan dalam undang-undang Keterangan Islam dan Undang-Undang Tatacara Mal sedia ada, seperti keperluan 'pliding' mengikut syarat-syarat, tempoh masa penyampaian dokumen-dokumen mahkamah, pemeriksaan saksi dan lain-lain.

"Ini semua bukan mahkamah yang buat tetapi ada dalam undang-undang dan apabila sesuatu kes difailkan ke mahkamah sebagai contoh penceraian atau nafkah, maka mahkamah terikat untuk mematuhi undang-undang tersebut. "Perlu diingat, urusan mahkamah bukan berbentuk pentadbiran tetapi berbentuk kehakiman dan perundangan," katanya.

Mohd Na'im menegaskan selagi undang-undang berkenaan diguna pakai dan tidak dipinda, maka peraturan tersebutlah yang perlu dipatuhi oleh para hakim.

Tidak tegas, lambat

Kenapa sesuatu kes mengambil masa lama untuk diselesaikan sehingga mahkamah dianggap sebagai tidak tegas dan lambat?

Headline	Ubah persepsi negatif Mahkamah Syariah		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	03 Apr 2015	Language	Malay
Circulation	29,826	Readership	97,836
Section	Tempatan	Color	Black/white
Page No	9	ArticleSize	600 cm ²
AdValue	RM 1,236	PR Value	RM 3,708

Menjelaskan hal itu, Mohd Na'im berkata dalam situasi biasa seperti kes permohonan pembubaran perkahwinan atau tuntutan nafkah, minimum pemain (pihak terlibat) hanya akan ada tiga orang sahaja iaitu hakim, isteri dan suami, namun dalam situasi berbeza, si isteri atau suami akan diwakili peguam masing-masing sekali gus menyebabkan 'jumlah pemain' bertambah.

"Sebagai contoh, isteri memohon satu perintah di bawah Seksyen 53 (1)(h) Enakmen Undang-Undang Kekeluargaan

Islam Selangor 2003 iaitu pembubaran perkahwinan disebabkan penderaan yang dilakukan suami atau juga disebut sebagai permohonan fasakh nikah.

"Dalam situasi biasa hanya akan ada isteri, suami dan hakim. Namun, situasi berbeza apabila isteri melantik peguam, suami (defendan) juga melantik peguam dan sekarang dah tambah lagi pemain. Apabila masuk perbicaraan, si isteri akan bawa beberapa orang saksi untuk buktikan suami menderanya dan si suami pula akan bawa saksi untuk mempertahankan dirinya," katanya.

Mohd Na'im berkata akibatnya, jumlah pemain dalam kes tersebut bertambah.

Melihat daripada segi urusan pentadbiran pertambahan ini tidak berlaku, namun dalam urusan kehakiman sebaliknya.

Dalam masa sama, beliau turut mengulas mengenai Enakmen Keterangan Syariah Negeri Selangor 2003 yang menyebut tentang peruntukan beban mengemukakan bukti keterangan yang diperlukan mahkamah seperti yang terkandung dalam Seksyen 87, iaitu beban bukti terletak kepada orang yang mendakwa.

Katanya seperti kes isteri menuntut cerai atas alasan didera oleh suami, dalam konteks pembuktian si isteri perlu membuktikan kepada hakim bahawa beliau benar-benar didera setelah hakim mendengar keterangan daripada semua

pihak yang terlibat.

"Sebagai seorang hakim, saya tidak boleh membuat keputusan berdasarkan sebelah pihak sebaliknya perlu mendengar keterangan daripada kedua-dua pihak.

"Keterangan ini melalui proses yang disebut sebagai proses pemeriksaan saksi seperti yang termaktub dalam Enakmen Keterangan Syariah Negeri Selangor 2003. Enakmen inilah yang mengikat hakim-hakim Mahkamah Syariah sama ada suka atau pun tidak," katanya.

Proses mahkamah

Mohd Na'im menjelaskan terdapat tiga proses pemeriksaan yang perlu dilalui oleh pihak-pihak yang terlibat dalam perbicaraan di Mahkamah iaitu pemeriksaan utama, pemeriksaan balas dan pemeriksaan semula.

"Contohnya seorang isteri memberi keterangan utama dengan memberikan fakta-fakta berkaitan sepanjang 30 tahun tempoh perkahwinannya dengan suami (defendan) dan bila habis cerita suami, peguam suami akan menyoal balas isteri, kemudian peguam bagi pihak isteri akan soal semula. Keterangan ini tidak mungkin boleh selesai dalam masa sehari sebab nak bercerita apa yang berlaku dalam tempoh 30 tahun.

"Mahkamah dengar tidak kurang 30 kes setiap hari termasuklah sebutan kes, maknanya ada 30 pasangan setiap hari. Dalam situasi jumlah kes yang banyak, hakim tidak dapat menangguh pendengaran kes fasakh isteri tadi pada tarikh terdekat disebabkan jadual mahkamah yang padat pada hari berikutnya," katanya.

Namun begitu, Mohd Na'im berkata proses mahkamah akan menjadi mudah sekiranya pihak yang terlibat mengambil pendekatan untuk bersetuju atau bertolak ansur terhadap tuntutan yang dibuat.

Tindakan undang-undang

Bagaimana jika defendan tidak hadir

ke mahkamah dan apakah tindakan yang dikenakan ke atasnya?

Mohd Na'im berkata sekiranya defendan (suami), (contoh kes pukul isteri) tidak hadir ke mahkamah, ia sememangnya mendatangkan masalah namun mahkamah boleh menggunakan dua alternatif bagi mengendalikan kes tersebut.

"Pertama, mahkamah boleh menggunakan Seksyen 121 (1) (b) dan (c) Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah 2003 untuk mahkamah meneruskan perbicaraan tanpa kehadiran suami dengan isteri mendakwa dia dipukul suami. Namun, mahkamah perlu memastikan saman telah sempurna diserahkan kepada suami, kemudian barulah mahkamah membenarkan perbicaraan dijalankan dengan isteri terlebih dahulu perlu melakukan 'sumpah istizhar'.

"Atau, Seksyen 51 Enakmen Tatacara Mal, Mahkamah Syariah boleh mengeluarkan waran tangkap kepada suami... yang ini bermakna kes-kes tertangguh sebab ketidakhadiran suami," katanya.

Mohd Na'im berkata dalam konteks itu tidak timbul isu Mahkamah Syariah menangguhkan pendengaran kes isteri tadi sehinggalah suaminya hadir ke mahkamah.

Beliau berkata terdapat juga kes di mana suami yang hadir ke mahkamah untuk perbicaraan yang pertama namun pada perbicaraan kedua suami tidak hadir, sebaliknya hanya datang mengemukakan sijil sakit di mahkamah atau menelefon mahkamah memaklumkan tentang ketidakhadiran.

"Begitu juga jika dia diwakili peguam dan peguamnya tidak dapat hadir dan ada saksi yang tidak hadir akibat demam maka akan ada penangguhan. Mahkamah tidak boleh meneruskan perbicaraan kerana kes tersebut sudah melibatkan ramai pemain dan sekali mereka dah terlibat, mereka perlu hadir pada perbicaraan seterusnya," katanya. - Bernama